



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

ASEAN REAL ESTATE CONFERENCE (AREC) 2025 MERINTIS TRANSFORMASI SEKTOR HARTANAH SERANTAU

KUALA LUMPUR, 23 Julai 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama strategik Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dan C.I.S Network akan menganjurkan **ASEAN Real Estate Conference (AREC)** dan **Architecture, Interior Design, and Building Exhibition (ARCHIDEX) 2025** dari 23 hingga 26 Julai 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Bertemakan “**The Real Estate Renaissance: Innovate, Integrate, Impact**”, AREC 2025 merupakan inisiatif pertama seumpamanya di rantau ASEAN yang dianjurkan sempena pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025. Persidangan ini menjadi wadah utama untuk membincangkan isu-isu perumahan serantau serta menggalakkan kerjasama rentas sektor dalam pembangunan hartanah dan bandar mampan.

AREC 2025 merangkumi tiga komponen utama:

- **AREC: Forum (23 - 24 Julai)**: Sesi pembentangan dan dialog bersama pakar industri serantau dan antarabangsa dalam bidang hartanah, pembinaan mampan, teknologi pintar, dan perancangan bandar berdaya tahan.
- **AREC: Business Matching (24 Julai)**: Sesi padanan perniagaan yang menghimpunkan lebih 200 syarikat dari seluruh ASEAN dalam sektor hartanah dan pembinaan.
- **AREC: Exhibition (23 - 26 Julai)**: Pameran hartanah ASEAN yang berlangsung serentak dengan ARCHIDEX 2025. Ia merupakan antara pameran terbesar Asia dalam bidang seni bina dan reka bentuk dalaman.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming dalam ucapan aluannya menegaskan bahawa AREC 2025 merupakan platform penting dalam mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pembangunan hartanah mampan di rantau ini. Beliau menekankan bahawa transformasi hanya dapat dicapai

melalui kolaborasi erat antara kerajaan, industri dan masyarakat melalui pendekatan Perkongsian Awam-Swasta-Rakyat (4P).

Fokus utama AREC 2025 meliputi:

- Inovasi teknologi seperti pembinaan modular, bandar pintar, dan pemodelan maklumat bangunan atau *Building Information Modeling* (BIM);
- Mekanisme pembiayaan kreatif untuk penyediaan perumahan inklusif; dan
- Penyelesaian berasaskan impak yang menekankan kesaksamaan sosial dan daya tahan kepada perubahan iklim.

Dengan jangkaan kehadiran melebihi 56,000 pengunjung, penyertaan melebihi 1,000 syarikat serta unjuran nilai pelaburan **mencecah RM2 bilion**, AREC 2025 dijangka menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan sektor hartanah serantau dan pemangkin kepada pertukaran idea, inovasi dan amalan terbaik merentasi sempadan ASEAN.

Untuk maklumat lanjut dan penyertaan, sila layari:

- Forum: <https://cisnetwork.com/eforms/index.php/arec-forum-reg>
- Pameran: <https://archidex.com.my/arec>
- Pertanyaan am: arec.2025@kpkt.gov.my

#MalaysiaMADANI
#RealEstateRenaissance
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#AREC2025
#ASEAN@KPKT

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T